

2

SEJARAH RENGKAS EKONOMI PULAU PINANG  
DARI TAHUN 1786-1867

oleh

BASARIAH OTHMAN

SCHOOL OF HUMANITIES  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
1973/1974

HISTORICAL PRACTICUM  
(HIR 301)

SEJARAH EKONOMI PULAU PINANG  
Tajuk: SEJARAH RENGKAS EKONOMI PULAU PINANG  
DARI TAHUN 1786-1867.

Oleh

BASARIAH OTHMAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
1973.

SEJARAH RINGKAS EKONOMI PULAU PINANG  
DARI TAHUN 1786-1867.

## ISI KANDUNGAN

### Halua surat

1. Pendahuluan.
2. Rongkasan Sejarah Awal Pulau Pinang 1.
3. Keadaan Ekonomi Pulau Pinang Diawal  
Pemerintahan British 4.
4. Kemasukkan Immigran 9.
5. Kemasukkan Pemodal-pemodal Asing Dan  
Perkembangan Pertanian 12.
6. Cukai Tanah 20.
7. Perdagangan 27.
8. Pendapatan, Pencukaian Dan Keowangan 42.
9. Penutup 49.
10. Daftar nota kaki 51.
11. Daftar rujukkan 53.

PENDAHULUAN

Oleh kerana memandangkan kepentingan Pulau Pinang sebagai salah sebuah pelabuhan perdagangan yang agak terkemuka di Malaisia hari ini, maka adalah dirasakan kita sebagai peminat Sejarah Tanah Air sedikit sebanyak perlu juga mengetahui secara ringkas tentang bagaimana kedudukan dan perkembangan perekonomian di Pulau Pinang sejak diawal kurun kesembilan belas yang menjadi asas pada perkembangan dan kemajuannya hari ini.

Untuk mencapai hasrat tersebut, maka dalam kajian kecil ini saya akan cuba memberikan serba ringkas mengenai latar belakang sejarah perkembangan ekonomi diwaktu itu untuk faedah pengetahuan kita bersama.

Kajian ringkas dari tahun 1786-1867 ini sengaja dihadkan kerana selepas tahun 1867 Pmerintahan British di Negeri Selat telah dipindahkan dari pentadbiran di India ke London. Dan sejak tarikh itu merupakan seperti satu garis pemisah didalam perubahan taktik pemerintahan British di Pulau Pinang, juga kearah yang lebih cenderung untuk meluaskan pengaruhnya ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu bagi meneruskan kegiatan ekonomi mereka.

Walaupun bagaimanapun kajian kecil ini tidak begitu mendalam kerana terpaksa menghadapi kesukaran dalam mendapatkan sumber-sumber yang terhad dan sebagai lagi. Biarpun begitu untuk pertama kalinya saya akan cuba menjayakan kajian kecil ini dengan memberi gambaran yang sepatutnya untuk sama-sama kita renungkan bagi menambah pengetahuan yang telah ada.

Dalam menjayakan kajian ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah membantu saya dalam usaha menulis kajian ini.

Sekian.

Dasariah Othman.